

**SULIT**



**UTHM**  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA  
PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER I  
SESI 2015/2016**


NAMA KURSUS	:	PEDAGOGI
KOD KURSUS	:	BBD 10302
PROGRAM	:	SARJANA MUDA PENDIDIKAN VOKASIONAL
TARIKH PEPERIKSAAN	:	DISEMBER 2015/JANUARI 2016
JANGKA MASA	:	3 JAM
ARAHAN	:	JAWAB SEMUA SOALAN BUKU SOALAN, BORANG OMR DAN BUKU JAWAPAN HENDAKLAH DIIKAT BERSAMA

**KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI EMPAT BELAS (14) MUKA SURAT**

**SULIT**

**BAHAGIAN A**

S1 Rajah S1 menunjukkan komponen-komponen dalam satu proses pengajaran.

**Rajah S1**

Komponen-komponen dalam proses pengajaran dalam Rajah S1 merujuk kepada model pengajaran

- A. Sim
- B. Taba
- C. Glaser
- D. Suchman

S2 \_\_\_\_\_ dalam bukunya *The Condition of Learning* mendefinisikan pembelajaran sebagai perubahan tingkah laku atau kebolehan seseorang yang dapat dikekalkan, tidak termasuk perubahan yang disebabkan oleh proses pertumbuhan.

- A. Gagne
- B. Le Francois
- C. Morgan dan King
- D. Atkinson

S3 Berikut merupakan definisi penyeliaan, kecuali:

- A. Satu usaha untuk mendorong, menyelaras, dan membimbing guru dalam hal pengajaran supaya guru-guru lebih berupaya melakukan semua fungsi berkaitan pengajaran.
- B. Segala kegiatan yang berkaitan dengan usaha untuk memastikan segala tugas dalam sesebuah organisasi berjalan lancar dan menepati objektifnya.
- C. Mencapai tahap kesempurnaan kendiri di mana dia mampu menguruskan hidupnya sendiri.
- D. Mengajar guru teknik pengajaran dan kepimpinan profesional dalam pembentukan pendidikan masyarakat umum dan lebih khusus lagi dalam penggubalan kurikulum, pengajaran dan bentuk pendidikan.

S4 Aras kemahiran soalan boleh dikelaskan kepada enam peringkat seperti yang dinyatakan oleh Bloom dalam bukunya ‘ Taxonomy of Education Objectives’. Antara yang berikut, yang manakah bukan aras soalan yang terkandung dalam bukunya?

- A. Sintesis
- B. Analisis
- C. Kefahaman
- D. Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT)

S5 Apakah tujuan penyeliaan pengajaran pembelajaran?

- A. Mengetahui matlamat agenda pendidikan dan pengetahuan mengenai cara murid belajar dan memahami struktur kandungan yang hendak diajar.
- B. Dapat menjadikan Guru Besar/ Pengetua seorang yang bertanggungjawab dan peka terhadap sekolah.
- C. Menjadikan sesebuah organisasi sentiasa disegani dan dikenali oleh organisasi lain.
- D. Guru-guru dapat memperoleh pengalaman dalam bidang yang diceburi.

S6 Nyatakan kepentingan membuat jadual penentuan pengajaran (JPP)?

- A. Membolehkan guru mengukur prestasi pengajarannya.
- B. Memahami tugas-tugas sebenar semasa merancang persediaan mengajar.
- C. Memastikan sama ada unit-unit pembelajaran boleh dikuasai dengan baik oleh pelajar-pelajar.
- D. Panduan asas untuk menentukan segala proses pengajaran-pembelajaran.

S7 Peringkat penyoalan yang digunakan oleh guru dalam bilik darjah berkait rapat dengan objektif pengajaran. Dalam merancang pengajaran harian, guru seharusnya menyediakan soalan untuk pelajar sebagai sebahagian daripada penilaian. Antara yang berikut, yang manakah merupakan komponen yang betul dalam penyoalan?

- I. Pembentuk soalan, focus (tunggal).
- II. Sebaran, fokus (pelbagai).
- III. Hentian, melayani jawapan.
- IV. Memberi petunjuk, mencungkil bakat.

- A. I dan IV
- B. II dan III
- C. I, II dan III
- D. II, III dan IV

- S8 Apakah yang perlu dilakukan oleh seorang guru dalam membantu pelajar meningkatkan kemahiran reflektif?
- Guru sebagai pemutus tentang apa yang perlu dipelajari oleh murid.
  - Guru harus menggunakan teknik menyoal supaya daya pemikiran reflektif pelajar dapat dipertingkatkan.
  - Guru mengawal suasana kelas.
  - Guru perlu memberitahu pelajar tentang objektif pelajaran.
- S9 Antara berikut yang manakah merupakan strategi pengajaran pembelajaran?
- Berpusatkan murid.
  - Berpusatkan rakan sebaya.
  - Berpusatkan bahan.
  - Berpusatkan masalah.
- I, II dan III
  - I dan II
  - I, III dan IV
  - I, II, III dan IV
- S10 Model Inkuiiri mempunyai lima (5) fasa, fasa yang ke-empat adalah:
- Analisis Inkuiiri.
  - Menyusun dan merumus keterangan.
  - Mengumpul data.
  - Membuat ujikaji.
- S11 Apakah fungsi akauntabiliti dalam pengajaran dan pembelajaran?
- Meningkatkan kepuasan kerja guru.
  - Dapat menetapkan pola-pola tingkahlakun guru semasa menjalankan pengajaran.
  - Memastikan guru mendapat maklum balas yang jelas dan segera tentang kekuatan dan kelemahannya.
  - Menilai kemajuan pelajar secara adil dan saksama dan mengambil tindakan susulan untuk mengatasi kelemahan mereka.
- S12 Berikut adalah komponen yang terdapat dalam kemahiran menerang.
- Komponen tindak balas, komponen menyoal, komponen pengajaran, komponen idea.
  - Komponen kondusif, komponen penutup, komponen set induksi, komponen idea.
  - Komponen aras permulaan, komponen kemahiran ilustrasi, komponen penyusunan idea, komponen penutup.
  - Komponen pengajaran, komponen pembelajaran, komponen guru, Komponen pemindahan ilmu.

- S13 Kemahiran mengubah-ubah tingkah laku guru, mempelbagaikan aktiviti pengalihan saluran deria murid, menukar corak interaksi di antara guru dengan murid dan mempelbagaikan kaedah dan teknik mengajar merupakan jenis
- Kemahiran Variasi rangsangan.
  - Kemahiran Pengukuhan.
  - Kemahiran Menilai Hasil Pembelajaran.
  - Kemahiran Alat Dan Bahan Bantu Mengajar.
- S14 Suchman dalam modelnya mengutarakan enam (6) langkah mengikut susunan seperti berikut:
- Memilih masalah, kumpul data dan buat hipotesis, menerangkan proses, uji hipotesis dan bentuk teori, membincangkan peraturan terhadap teori dan menganalisis proses.
  - Memilih masalah, menerangkan proses, membincangkan peraturan terhadap teori dan menganalisis proses, kumpul data dan buat hipotesis, uji hipotesis dan bentuk teori.
  - Memilih masalah, membincangkan peraturan terhadap teori dan menganalisis proses, menerangkan proses, kumpul data dan buat hipotesis, uji hipotesis dan bentuk teori.
  - Memilih masalah, menerangkan proses, kumpul data dan buat hipotesis, uji hipotesis dan bentuk teori, membincangkan peraturan terhadap teori dan menganalisis proses.
- S15 Berikut adalah tiga (3) komponen perancangan pengajaran, kecuali:
- penilaian sama ada objektif pengajaran dan pembelajaran tercapai.
  - penentuan objektif, topik, isi serta penentuan kebolehan sedia ada pada murid-murid.
  - perancangan pengajaran yang ringkas dan padat.
  - cara penyampaian untuk mencapai objektif pembelajaran.
- S16 Yang manakah antara pernyataan berikut adalah benar mengenai kaedah pengajaran berasaskan simulasi.
- Kaedah pembelajaran dalam keadaan yang terkawal dan sengaja diwujudkan sama dengan situasi sebenar.
  - Kaedah dan strategi yang melibatkan aktiviti perbualan di antara guru dengan pelajar di dalam kelas.
  - Kaedah pengajaran yang meliputi satu sesi perbincangan yang membolehkan setiap ahli kumpulan menyumbangkan pendapat dan idea.
  - Kaedah pengajaran melalui aktiviti perbincangan yang terdiri daripada beberapa kumpulan kecil.

- S17 Kaedah syarahan atau kuliah adalah satu teknik komunikatif yang berkesan daripada seorang guru kepada muridnya. Susun semula teknik-teknik berikut yang perlu dilakukan seorang guru dalam mempertingkatkan kaedah kuliah/ syarahan di dalam bilik kuliah.
- I. Buat rumusan ringkas kepada pelajar dari semasa ke semasa.
  - II. Bijak berkomunikasi dengan pelajar menggunakan konteks mata yang betul.
  - III. Memberi konsep baru serta definisi sesuatu maklumat dengan lebih jelas dan mudah difahami.
  - IV. Ulang semula penerangan supaya pelajar mudah mengingati.
- A. I, II, III dan IV.
  - B. IV, III, II dan I.
  - C. I, II, I dan IV.
  - D. IV, III, I, dan II.
- S18 Apakah langkah - langkah yang diambil kira untuk membuat penyediaan perancangan pengajaran?
- A. Memberi panduan kepada guru agar dapat menggunakan masa yang diperuntukan dengan lebih teratur.
  - B. Membuat jadual tanpa mengira waktu cuti atau waktu yang ditentukan.
  - C. Menyemak jadual waktu pensyarah dan tentukan mata pelajaran untuk diajar.
  - D. Mengikut waktu pensyarah tanpa memikirkan cuti awam dan cuti pengajian.
- S19 Apakah salah satu kepentingan bahan bantu mengajar?
- A. Membantu menjimatkan masa guru dalam menyediakan topik pembelajaran.
  - B. Membantu menjaga keselamatan pelajar.
  - C. Menanam sikap berdikari pelajar dalam pembelajaran.
  - D. Diwajibkan kepada guru pelatih.
- S20 Penilaian pengajaran adalah penting bagi guru kerana ia dapat membantu
- A. meningkatkan prestasi murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
  - B. mencapai objektif pengajaran pembelajaran.
  - C. mengesan tingkah laku bermasalah yang ditimbulkan oleh murid.
  - D. memberi maklum balas tentang penguasaan murid terhadap pengajaran.
- S21 Mengapa penilaian sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran?
- A. Untuk mengetahui perkembangan dan pencapaian dalam diri pelajar.
  - B. Proses mengesan perkembangan, kebolehan, keupayaan dan pencapaian pelajar.
  - C. Proses penilaian dapat membantu guru semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.
  - D. Proses pengajaran dan pembelajaran dapat membantu guru mengesan perkembangan, keupayaan dan pencapaian dalam sesuatu subjek.

S22 Kekuatan pemetaan konsep terletak kepada

- A. keupayaan memperjelaskan talian di antara konsep yang dipelajari dan dengan itu meningkatkan kefahaman pelajar.
- B. aplikasi pelbagai kaedah dan teknik pengajaran yang sesuai untuk pelajar.
- C. penghubung antara perkara yang guru mahukan pelajarnya belajar dengan hasil pembelajaran sebenar yang diperolehi pelajar terbabit.
- D. ilmu yang menerangkan tentang kaedah pengajaran.

S23 Manakah ciri-ciri bagi seorang pelajar ekstrovert?

- I. Boleh memimpin.
  - II. Suka berinteraksi.
  - III. Berfikiran terbuka.
  - IV. Tidak mudah tersinggung.
- A. I dan II.
  - B. I, II, dan III.
  - C. II, III dan IV.
  - D. III dan IV.

S24 Antara pendekatan-pendekatan kaedah pengajaran berikut, yang manakah membenarkan pelajar mempraktikkan kemahiran dalam keadaan yang selamat dan memberi peluang kepada pelajar memikirkan cara penyelesaian secara spontan dalam situasi bermasalah yang diwujudkan.

- A. Kaedah pengajaran sumbangsaran.
- B. Kaedah pengajaran simulasi.
- C. Kaedah pengajaran lawatan.
- D. Kaedah pengajaran kolaboratif.

S25 Pilih pernyataan yang bersesuaian dengan Konsep Deduktif

- I. Menganalisis fakta yang membentuk generalisasi.
  - II. Mempelajari sesuatu berdasarkan sesuatu hukum.
  - III. Membuat penghuraian daripada umum kepada khusus.
  - IV. Satu produksi fakta untuk membuktikan satu pernyataan umum.
- A. I, II, III dan IV.
  - B. I, II dan IV.
  - C. I dan IV.
  - D. II dan IV.

S26 Berikut adalah pernyataan yang benar mengenai kaedah simulasi:

- A. Sesuai digunakan dan proses P&P berteraskan strategi pengajaran berasaskan tugas.
- B. Merupakan proses pembelajaran berulang-ulang.
- C. Guru menjelaskan secara terperinci isi dan kandungan pembelajaran.
- D. Proses pengajaran yang sesuai untuk pelajar dewasa sahaja.

S27 Antara berikut, yang manakah berkenaan kemahiran proses sains asas?

- A. Mentafsir Data.
- B. Mengguna Dan Mengendalikan Peralatan Dan Bahan Sains Dengan Betul.
- C. Mengukur Dan Menggunakan Nombor.
- D. Membuat Hipotesis.

S28 Apakah jenis ujian yang digunakan dalam bilik darjah?

- A. Ujian Penglihatan.
- B. Ujian Setempat.
- C. Ujian Saringan.
- D. Ujian Temuduga.

S29 Apakah peringkat yang perlu dilakukan untuk mengesan sejauh mana apa yang dipelajari oleh seseorang pelajar itu berkesan?

- A. Refleksi.
- B. Penilaian.
- C. Adapatisasi.
- D. Transformasi.

S30 Apakah butir-butir yang perlu ada dalam Rancangan Pengajaran Semester?

- I. Topik.
- II. Objektif pembelajaran.
- III. Kemahiran yang diperolehi.
- IV. Alat Bantuan Mengajar (ABM).

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. II, III dan IV
- D. I, II, III dan IV

S31 Apakah faktor-faktor yang perlu diambil kira dalam menghasilkan Rancangan Pengajaran Semester?

- I. Cuti sekolah.
  - II. Kehadiran pelajar.
  - III. Acara rasmi sekolah.
  - IV. Minat pelajar.
- A. I dan II
  - B. I dan III
  - C. II, III dan IV
  - D. I, II, III dan IV

S32 Perlakuan yang patut dielakkan oleh guru sewaktu menggunakan kaedah syarahan adalah

- I. menggunakan kata-kata kasar dan lucah.
  - II. bermain-main dengan barang-barang yang berada ditangan.
  - III. banyak berjenaka.
  - IV. terlalu merendah diri atau kerap memohon maaf.
- A. I, II dan III
  - B. I, II dan IV
  - C. I, III dan IV
  - D. I, II, III dan IV

S33 Antara aspek kemahiran abad ke-21 yang perlu dikuasai oleh pelajar ialah

- A. mengikut perkembangan tentang dasar dan isu pendidikan.
- B. cara pemikiran baru iaitu kreativiti, kritis, penyelesaian masalah, membuat keputusan dan pembelajaran.
- C. memahami psikologi pembelajaran.
- D. mahir menggunakan teknologi terkini dalam pengajaran dan pembelajaran.

S34 Berikut merupakan kemahiran manipulatif kecuali:

- A. Penggunaan dan pengedalian peralatan dan bahan sains dengan betul.
- B. Pembersihan peralatan sains dengan cara yang betul.
- C. Meninggalkan peralatan sains yang telah digunakan tanpa dibersih terlebih dahulu.
- D. Menyimpan peralatan sains dan bahan dengan betul dan selamat.

S35 Apakah kelemahan kaedah pembelajaran projek?

- I. Memakan masa yang panjang.
  - II. Para pelajar berkemungkinan melakukan kesalahan semasa melaksanakan projek disebabkan oleh pengetahuan yang terhad.
  - III. Sumber dan bahan bagi sesuatu projek adalah terhad.
  - IV. Mendidik pelajar supaya berdikari.
- A. I, III dan IV
  - B. I, II dan III
  - C. I dan IV
  - D. I, II, III dan IV

S36 Pedagogi boleh difahami sebagai

- I. satu sains pengajaran.
  - II. satu kajian tingkah laku murid-murid dalam bilik darjah.
  - III. satu kajian tentang prinsip-prinsip dalam pendidikan formal.
  - IV. satu kajian tentang kaedah-kaedah dalam pendidikan formal.
- A. I dan II sahaja
  - B. III dan IV sahaja
  - C. I, II dan III sahaja
  - D. I, III dan IV sahaja

S37 Antara berikut, yang manakah merupakan kesan kemahiran pengukuhan dalam pembelajaran dan pengajaran?

- I. Pelajar-pelajar akan berusaha memberi tingkah laku yang positif dengan lebih giat lagi.
  - II. Perhubungan di antara guru dengan pelajar akan bertambah erat dan mesra.
  - III. Pelajar akan merasa usahanya telah di hargai oleh gurunya.
  - IV. Pelajar dapat memahami konsep atau isi pelajaran dengan lebih cepat, mudah dan tepat.
- A. I dan II
  - B. II dan IV
  - C. I, II dan III
  - D. I, III dan IV

S38 Apakah peranan guru dalam kemahiran Konstruktivisme?

- A. Guru bertindak sebagai pemudah cara yang membimbing murid.
- B. Guru berkomunikasi dengan pelajar berbentuk satu hala.
- C. Guru memonopoli percakapan atau aktiviti.
- D. Guru memainkan peranan utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

S39 Nyatakan peranan seorang penyelia (Pensyarah), melalui aktiviti penilaian dalam usaha membantu guru pelatih memperbaiki kelemahan mengajar yang betul.

- I. Menilai aktiviti pengajaran dengan merujuk kepada borang bimbingan.
  - II. Mengenalpasti kelemahan-kelemahan kemahiran mengajar yang timbul.
  - III. Membuat pertanyaan kepada pendidik pelatih.
  - IV. Mendiagnosis punca kelemahan-kelemahan itu.
- 
- A. I dan II
  - B. II dan III
  - C. I, II, dan III
  - D. I, II dan IV

S40 Pedagogi adalah penting kepada guru kerana ia membantu guru

- I. memahami prinsip-prinsip pengajaran
  - II. memilih kaedah yang paling sesuai untuk murid-muridnya
  - III. mengajar supaya murid-muridnya dapat membuat generalisasi
  - IV . membuat segala keputusan untuk murid-muridnya sama ada di dalam atau di luar bilik darjah.
- 
- A. I dan II
  - B . III dan IV
  - C . I, II dan III
  - D . I, II dan IV

S41 Berikut adalah perisian yang membantu pelajar dalam membuat lukisan kecuali:

- A. Corel Draw
- B. Intel Draw
- C. Claris Draw
- D. Harvard Graphic

S42 Penilaian dilakukan bertujuan untuk

- I. mengenal pasti kekuatan dan kelemahan pelajar
- II. meningkatkan keberkesanannya program
- III. mengukur keberkesanannya program
- IV. memperoleh data untuk tindakan selanjutnya

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. II, III dan IV
- D. I, II, III dan IV

- S43 Isi dan konteks juga merupakan komponen atau subsistem yang penting dalam menjayakan sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran. Manakah antara pernyataan berikut yang berkaitan mengenai hubungan antara isi dan konteks dalam Model Pendekatan Sistem?
- A. Guru menggunakan pelbagai alat dan bahan bantu mengajar seperti televisyen, rencana, majalah dan sebagainya.
  - B. Isi dan konteks dibentuk dalam pendidikan secara kognitif, konatif dan efektif.
  - C. Untuk hubungan isi dan konteks, guru perlulah memahami perkara yang hendak diajar termasuk bagaimana membimbing dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
  - D. Isi pelajaran ditentukan di dalam kurikulum yang disediakan oleh lembaga yang mewakili masyarakat iaitu Pusat Perkembangan Kurikulum (konteks).
- S44 Berikut merupakan langkah bagi menyampaikan pengajaran dan pembelajaran mengikut Rancangan Pengajaran Harian, kecuali:
- I. Set induksi dan langkah-langkah pengajaran.
  - II. Aplikasi teknik, kaedah, pendekatan dalam langkah pengajaran.
  - III. Pentaksiran.
  - IV. Melakukan provokasi terhadap murid.
  - V. Aktiviti pengukuhan, pemulihan dan pengayaan.
- A. I dan III.
  - B. II dan IV.
  - C. III dan V.
  - D. IV sahaja.
- S45 Pengajaran boleh dianggap sebagai satu seni kerana ia melibatkan
- I manusia, iaitu guru dan murid
  - II penggunaan prinsip-prinsip dan hukum-hukum
  - III individu-individu yang tingkah lakunya sukar untuk diramal
  - IV emosi manusia sukar dinilai secara sistematik
- A I dan II
  - B III dan IV
  - C I, II dan III
  - D I, III dan IV
- S46 Langkah yang diambil kira untuk membuat penyediaan perancangan pengajaran ialah
- A. Memberi panduan kepada guru agar dapat menggunakan masa yang diperuntukan dengan lebih teratur.
  - B. Membuat jadual tanpa mengira waktu cuti atau waktu yang ditentukan.
  - C. Menyemak jadual waktu pensyarah dan tentukan mata pelajaran untuk diajar.
  - D. Mengikut waktu pensyarah atau pengajar tanpa memikirkan cuti awam dan cuti pengajian.

S47 Apakah tujuan penilaian sumatif dijalankan?

- I. Memberi tumpuan kepada proses pengajaran.
  - II. Memberi maklumat kepada guru atau pengajar tentang kemajuan sesuatu program atau proses pengajaran.
  - III. Menguji kebolehan asas pelajar sebelum mereka mengikuti sesuatu pelajaran atau kursus.
  - IV. Dijalankan untuk menentukan prestasi keseluruhan murid selepas satu tempoh pembelajaran atau beberapa unit pembelajaran tertentu.
- A. I dan II
  - B. I dan III
  - C. III dan IV
  - D. IV sahaja

S48 Antara kepentingan set induksi dalam pengajaran dan pembelajaran adalah

- A. Menguji kepintaran pelajar
- B. Mengetahui samada pelajar buat kerja rumah atau tidak
- C. Menarik perhatian pelajar kepada apa yang hendak diajar
- D. Memastikan tugas amali dapat dibuat dengan baik.

S49 Apakah kaedah yang digunakan dalam pengajaran berpusatkan pelajar?


- I. Sumbangsaran
  - II. Penyelesaian masalah
  - III. Perbincangan
  - IV. Mesyuarat
- A. I, II dan III
  - B. II, III dan IV
  - C. III dan IV
  - D. I, II, III dan IV

S50 Kesan penutup ke atas pengajaran dan pembelajaran dapat dilihat jika objektif-objektif penutup dapat dicapai dengan memuaskan. Berikut ialah kesan penutup ke atas pengajaran dan pembelajaran kecuali:


- A. Melalui aktiviti susulan, pelajar-pelajar dapat mengukuhkan kemahiran dan konsep yang baru dikuasai.
- B. Pelajar-pelajar dapat membuat rumusan terhadap fakta-fakta penting yang di pelajari.
- C. Menyampaikan maklumat atau menerangkan isi pelajaran dengan jelas dalam waktu yang singkat.
- D. Guru dapat mentafsirkan pencapaian objektif pelajaran yang ditentukan, melalui aktiviti penilaian.

**BAHAGIAN B**

- S51. Model Pengajaran-Pembelajaran Konkrit ke Abstrak di bangunkan oleh Hilda Taba (1962).
- a) Beri hubungan ringkas Model Taba dalam proses perancangan pengajaran. (10 markah)

**Rajah S51(b)**

- b) Rajah S51(b) menunjukkan cara guru menyusun isi pembelajaran dari konkrit ke abstrak., isikan tajuk perkara yang tepat pada petak A, B, dan C. (5 markah)

**Rajah S51(c)**

- c) Rajah S51(c) menunjukkan Proses Perancangan. Isikan tiga (3) persoalan dalam kotak D yang guru harus fikirkan semasa membuat perancangan pengajaran. (10 markah)
- S52. Beri hubungan ringkas satu Jadual Penentuan Pengajaran (JPP) dilihat dari
- (a) Takfiran  
(b) Kepentingan  
(c) Pembinaan, dan  
(d) Ciri-ciri JPP (25 markah)

**-SOALAN TAMAT-**